

FOKUS

Oleh Ruhaiza Rusmin ruhaizarusmin@mediaprima.com.my

Jadikan IPTA lebih PROAKTIF, BERKALIBER



SEMUA warga universiti perlu bersatu hati bagi menjadikan kepercayaan yang diberikan kepada universiti autonomi tidak dipersiakan. - Gambar hiasan.

Pada 2012, lima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara mencipta sejarah baru apabila diberi taraf universiti autonomi, sekali gus menyaksikan transisi perubahan dunia pendidikan negara. Pemberian taraf autonomi itu selaras hasrat mempertingkatkan daya saing IPTA negara mengemblem tenaga menjadi antara institusi terbaik dunia. Pada masa sama, ia meningkatkan tahap profesionalisme IPTA dalam pengendalian empat bidang iaitu tadbir urus institusi, kewangan dan penjana kekayaan; pengurusan sumber manusia dan pengurusan akademik serta kemasukan pelajar. Namun, ada pihak berpendapat pemberian kuasa autonomi itu sebagai satu cara kerajaan mengurangkan tanggungjawab memberi bantuan kewangan, sekali gus mengundang persepsi negatif.

Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Datuk Dr Musa Ahmad berkata, tanggapan bahawa pemberian kuasa autonomi kepada universiti sebagai cara melepaskan tanggungan perbelanjaan

Pemberian kuasa autonomi menjadikan universiti bebas mencorak gaya dan hala tuju bagi bersaing di pentas global



BERSTATUS universiti autonomi bermakna menggalas tanggungjawab berat terutama dalam usaha melahirkan generasi yang mempunyai modal insan kukuh selain menjadi sebuah institusi berkualiti dan berdaya saing. - Gambar hiasan.



PIHAK akademik juga diberi pendedahan untuk membantu universiti membuat perancangan sekali gus menjana profesionalisme hingga peringkat global. - Gambar hiasan.

kerajaan, ia adalah tidak benar. Beliau berkata, model autonomi yang diperkenalkan di IPTA tidak sama dengan model di negara lain kerana peruntukan kerajaan negara terbabit amat terhad dan kompetitif. "Bagi IPTA, mereka menerima peruntukan RM150 juta setahun mengikut kategori universiti dengan 90 peratus perbelanjaan masih ditanggung kerajaan. "Di negara lain, contohnya United Kingdom, sumbangan kerajaan kepada universiti awam sekitar 25 peratus, Australia dan New Zealand (45 peratus) manakala di Singapura, universiti awam menerima sekitar 75 peratus. "Ini menunjukkan peruntukan besar masih di-



PENJANAAN kewangan juga menjadi antara satu cabaran kepada universiti autonomi untuk membuktikan kebolehan. - Gambar Google.

"Autonomi bukan sekadar sijil pengiktirafan, tapi turut menagih komiimen warga universiti bagi membolehkan agenda universiti dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, sistematik dan mencapai sasaran" DR Musa

perlu diuruskan secara profesional. "Pada masa sama, ia tidak menyetepikan nilai serta keperluan pendidikan lain seperti pembangunan modal insan, kemahiran, kecemerlangan ahli akademik serta pelbagai aspek berkepentingan," katanya. Secara amnya, autonomi ialah pemerintahan sendiri yang bila diterjemahkan dalam satu konteks universiti, ia menjelaskan maksud kuasa diberikan kepada sebuah universiti bagi tujuan menjadikannya institusi berinovasi dan berdaya saing. Setakat ini 12 IPTA menerima status autonomi iaitu Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Universiti lain ialah USIM, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Teknologi MARA (UITM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Beliau berkata, universiti autonomi bukan berpaksikan status 'kemegahan' semata-mata, tapi harus memastikan mereka mampu menjadi institusi berinovasi dan berdaya saing. Menurutnya, ia sejajar dengan keperluan masa kini yang semuanya sudah bersifat global serta memerlukan pergerakan pantas bagi menyaingi pelbagai kehendak daripada pelbagai pihak. "Pemberian ini bukan saja mahu menyaingi keperluan semasa semata-mata, malah lebih utama untuk menjadikan institusi lebih proaktif, berkualiti serta berdaya saing. "Dengan kata lain, institusi kita perlu cekal dan tidak lagi membuat pelbagai alasan bagi mencapai kecemerlangan. "Sebab itu, bagi menca-

pai tahap kecemerlangan disasarkan, institusi diberi autonomi supaya dapat menjana pelbagai perancangan serta tidak terikat dengan kaedah dan peraturan kerajaan," katanya. Pemberian autonomi turut menjadikan institusi mempelbagaikan kemahiran dalam aspek selain menjadikannya sebuah institusi lebih berdaya saing, terpacu dan mandiri. Beliau berkata, dengan pemberian kuasa autonomi, universiti bebas mencorak gaya dan hala tuju bagi bersaing di pentas global. "Autonomi bukan sekadar sijil pengiktirafan, tapi turut menagih komitmen warga universiti bagi membolehkan agenda universiti dapat dilaksanakan dengan lebih cepat, sistematik dan mencapai sasaran," katanya. Bagi USIM, penerimaan autonomi menjadi langkah pertama universiti berkenaan menjadi pusat rujukan Integrasi Naqli-Aqli di peringkat serantau menjelang 2016 dan di peringkat global pada 2025. "Visi USIM adalah mengintegrasikan ilmu agama berpandukan al-Quran dan

sunnah (Naqli) dan ilmu moden (Aqli) sebagai elemen utama dalam menempa kemajuan. "Ini perkara baru yang tidak dibawa oleh universiti autonomi sebelum ini sekali gus mampu melaburkan sayap meneroka peluang kerjasama baru di peringkat lebih tinggi," katanya. Antara bidang yang diberi penekanan selepas pemberian taraf adalah kewangan dan menjana pendapatan. Bagi mencapai hasrat itu, sebanyak 14 pelan tindakan digariskan, antaranya melaburkan dana ke pelaburan yang kompetitif (patuh syariah); menonjolkan USIM sebagai pembekal penyelesaian (solution provider) kepada industri berkaitan seperti industri halal; mewujudkan program akademik dan kurikulum latihan berteraskan paduan kurikulum Naqli dan Aqli serta meningkatkan sumbangan pelbagai dana wakaf, zakat dan pentadbiran.



MEMEGANG gelaran universiti autonomi memberi peluang universiti mencorakkan kecemerlangannya termasuk dalam melahirkan graduan yang mampu bersaing di pentas lebih luas. - Gambar hiasan.

Prinsip Asas Autonomi di IPTA

1. Amalan kebertanggungjawaban, ketelusan, akauntabiliti dan nilai serta kualiti yang dibelanjakan dalam semua urusan.
2. Pemantapan sistem dan struktur tadbir urus, pewujudan peraturan yang jelas bagi mendukung pelaksanaan autonomi dan memastikan wujudnya elemen 'check and balance' serta ketelusan.
3. Pemakaian semua pekeliling perbendaharaan sebagai asas peraturan berkaitan pengurusan kewangan dalam dan Lembaga Pengarah Universiti ialah pihak berkuasa yang mengambil alih peranan perbendaharaan dalam memantau dan bertindak melindungi kepentingan pelaburan kerajaan di mana berkaitan.
4. Pemakaian semua Pekeliling Perkhidmatan Awam sebagai asas peraturan berkaitan pengurusan sumber manusia, dan LPU ialah pihak berkuasa yang menggantikan peranan Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana berkaitan.
5. Bebanan serta pencahayaan kewangan kerajaan hanya dihadkan kepada peruntukan belanja mengurus tabungan dan peruntukan pembangunan yang diluluskan kerajaan melainkan diputuskan sebaliknya oleh Kerajaan Pusat.
6. Penjanaan pendapatan IPTA hendaklah mengutamakan dan memastikan perlindungan serta (insulate and protect) kepentingan universiti dan kerajaan.
7. Skim saaraan berasingan IPTA berasaskan peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti yang berkuat kuasa dan sistem ini hendaklah berasaskan prinsip kesaksamaan, kelestarian dan tidak langsung membebaskan kerajaan.
8. Tindakan tegas mengikut peruntukan tata tertib semasa seperti surcaj, turun pangkat, buang kerja dan yang berkaitan boleh diambil terhadap pegawai dan kakitangan IPTA yang gagal mematuhi tatacara dan peraturan serta cuai semasa melaksanakan tugas.